



جَابَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسْلَامِ نَغَرِي سَمْبِيلَانِ
JHEAINS
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

GARIS PANDUAN
**PENGURUSAN TANAH
PERKUBURAN ISLAM
NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS**
(MAQBARAH SALIMAH)

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



GARIS PANDUAN
**PENGURUSAN TANAH
PERKUBURAN ISLAM
NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS**
(MAQBARAH SALIMAH)



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
(MAQBARAH SALIMAH)**

Cetakan Pertama: Januari 2023

© Hak Cipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar ke dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pihak penerbit

Diterbitkan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Bangunan MPS Lama, Jalan Yamtuan
70000 Seremban, Negeri Sembilan
<http://jheains.ns.gov.my>

KANDUNGAN

1. Kata Alu-aluan Pengarah JHEAINS	1
2. Tafsiran	2
3. Tujuan	3
4. Latar Belakang	3
5. Undang-Undang/ Arahan Berkaitan	4
6. Status Tanah Perkuburan Islam	
a. Tanah Wakaf	4
b. Tanah Rizab	5
c. Tanah Bermilik	5
7. Kategori Tanah Perkuburan Islam.....	5
8. Pengurusan Pengebumian Orang Islam	
8.1 Sebelum Pengebumian.....	6
8.2 Semasa Pengebumian.....	7
8.3 Selepas Pengebumian.....	9
9. Spesifikasi Kubur	
9.1 Penentuan Arah Kiblat.....	10
9.2 Pelan Susun Atur (Layout Plan).....	11
9.3 Ukuran Lot Kubur.....	12
9.4 Kalang Air/ Kepungan dan Batu Nisan.....	15
9.5 Pokok Hiasan.....	17
10. Tanggungjawab Pentadbir (Jawatankuasa Qaryah Masjid) ..	18
11. Adab Menziarahi Tanah Perkuburan Islam	20
12. Senarai alamat JHEAINS Daerah	22
13. Tarikh Kuat Kuasa.....	23
14. Penutup.....	23

KATA ALU-ALUAN



Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah inayah dan izin-Nya jua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Negeri Sembilan (Maqbarah Salimah) untuk panduan dan bacaan umum masyarakat Islam di Negeri Sembilan.

Pengurusan tanah perkuburan Islam yang sistematik, teratur, seragam dan mematuhi hukum syarak akan mencerminkan kesucian agama Islam. Garis Panduan ini secara khususnya memberi penjelasan tentang peraturan dalam pengurusan tanah perkuburan Islam dari perspektif hukum syarak meliputi urusan pengkebumian, binaan, tanggungjawab pentadbir dan tanggungjawab orang awam.

Semoga Garis Panduan ini dapat membantu dalam pengurusan tanah perkuburan Islam di Negeri Sembilan.

(DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Sembilan Darul Khusus

2. TAFSIRAN

“**istiwa’ A’zam**” ertinya fenomena kedudukan matahari berada tepat di atas Kaabah pada 28 Mei pukul 5.16 petang dan 16 Julai pukul 5.28 petang waktu Malaysia setiap tahun. Jika tahun tersebut berlaku tahun lompat, ia jatuh pada tarikh 29 Mei dan 17 Julai;

“**kalang air**” ertinya suatu bentuk kepungan yang dibina atas lot kubur;

“**musabbalah**” ertinya kawasan tanah perkuburan Islam yang tidak diketahui siapa yang mensabikannya, tetapi penduduk di situ telah menggunakannya sekian lama. Maka hukumnya seperti tanah wakaf juga, iaitu perkuburan itu tidak boleh digali atau dibongkar atau dialih ke tempat lain kecuali darurat atau berbahaya dengan berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa;

“**Parameter**” ertinya garis yang menentukan atau menandakan keluasan atau batasan sesuatu;

“**Wakaf**” ertinya menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya, menyerahkan manfaat, faedah atau keuntungan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta atau memberikan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya, sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut prinsip Syariah, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949;

3. TUJUAN

- a. Garis Panduan ini diguna pakai sebagai rujukan dan panduan pengurusan tanah perkuburan Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus.
- b. Bagi menentukan satu bentuk standard dalam binaan kubur termasuk spesifikasi ukuran lot kubur, susun atur, batu nisan, kalang air atau kepungan, landskap dan sebagainya.

4. LATAR BELAKANG

Kebanyakan tanah perkuburan Islam di Negeri Sembilan Darul Khusus melibatkan beberapa perkara berkaitan;

- a. Bentuk topografi. Ada sebahagian tanah perkuburan Islam di Negeri Sembilan mempunyai bentuk muka bumi yang tidak rata, berbukit, lembah dan sebagainya.
- b. Susunan kubur tidak diselenggara secara teratur dan tidak menepati arah kiblat.
- c. Bentuk binaan yang pelbagai atau nisan yang tidak seragam penggunaan batunya. Malahan terdapat binaan di atas kubur yang tidak menepati hukum syarak.
- d. Ada kubur yang terletak di dalam kawasan halaman rumah. Ini termasuk kubur ahli keluarga, tokoh agama atau sejarah, tokoh adat atau bagi budaya tertentu yang terdapat dalam sesebuah kumpulan masyarakat.



Gambar 1: Tanah Perkuburan Sedia Ada di Negeri Sembilan

5. UNDANG-UNDANG/ ARAHAN BERKAITAN

- a. Kanun Tanah Negara 1965
- b. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
- c. Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
- d. Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992
- e. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian
- f. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Ugama Islam Malaysia
- g. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan
- h. Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Sembilan versi 1.0

6. STATUS TANAH PERKUBURAN ISLAM

a. Tanah Wakaf

Tanah yang diserahkan (wakaf) oleh mana-mana individu/institusi kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya, menyerahkan manfaat, faedah atau

keuntungan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta. MAINS adalah pemegang tunggal wakaf tersebut.

b. Tanah Rizab

Tanah yang dirizabkan untuk tujuan awam selaras dengan peruntukan-peruntukan seksyen 62 Kanun Tanah Negara atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu.

c. Tanah Bermilik

Mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak dari sebuah bangunan pecah-bahagian) berkenaan dengan mana satu hakmilik berdaftar buat masa itu sedia ada, sama ada muktamad atau bersyarat, sama ada untuk selama-lamanya atau untuk satu tempoh beberapa tahun, dan sama ada diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta ini atau dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong.

7. KATEGORI TANAH PERKUBURAN ISLAM

Tanah perkuburan Islam di Negeri Sembilan dikategorikan kepada berikut:

KATEGORI	DEFINISI
AWAM	Tanah milik kerajaan yang dirizabkan sebagai tanah perkuburan awam dan diuruskan oleh JHEAINS/ Pihak Berkuasa Tempatan/ masjid/ persatuan/ badan.
DIRAJA	Tanah milik kerajaan yang dikhususkan sebagai makam Diraja.

KATEGORI	DEFINISI
SEJARAH	Tanah milik kerajaan/persendirian yang mempunyai makam atau kubur peninggalan sejarah dan diiktiraf oleh badan berautoriti.
KELUARGA	Tanah milik persendirian yang khusus untuk ahli keluarga dan diuruskan oleh ahli keluarga waris.
INSTITUSI	Tanah milik kerajaan yang diuruskan oleh institusi.
WAKAF	Tanah yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

Jadual 1: Definisi kategori tanah perkuburan Islam di Negeri Sembilan

8. PENGURUSAN PENGEBUMIAN ORANG ISLAM

8.1. Sebelum pengebumian

- a. Kematian telah disahkan oleh pihak berwajib (hospital atau polis) dengan mengeluarkan pengesahan kematian dan permit mengubur;
- b. Memastikan status agama Islam jenazah tidak meragukan. Jika berlaku keraguan atau pertikaian (tuntutan) daripada pihak yang bukan Islam terhadap jenazah, maka pengebumiannya hanya boleh disempurnakan setelah mendapat perintah mahkamah;
- c. Bagi kematian pembawa HIV dan pesakit AIDS atau apa-apa wabak berjangkit yang berlaku di rumah, waris hendaklah menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat dengan segera bagi tujuan penyeliaan pengurusan jenazah serta tindakan lain yang perlu diambil oleh Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan;

- d. Waris hendaklah menghubungi Jawatankuasa Kariah Masjid yang berkenaan untuk bantuan pengurusan jenazah kematian biasa (punca kematian bukan disebabkan virus atau apa-apa wabak penyakit); dan
- e. Waris membuat pendaftaran untuk pengebumian dengan menyerahkan maklumat serta dokumen si mati kepada pengurusan perkuburan Islam.

8.2 Semasa Pengebumian

- a. Dianjurkan meletak jenazah di tepi lubang kubur sebelum diturunkan ke dalam liang lahad;
- b. Dianjurkan ada penghadang seperti kain atau seumpamanya bagi menghalang pandangan orang ramai ketika menurunkan jenazah ke dalam kubur terutama jenazah wanita;
- c. Waris lelaki si mati diutamakan untuk memasukkan jenazah ke dalam liang kubur dan dianjurkan dalam bilangan yang ganjil;
- d. Ketika menurunkan jenazah, sunat dimulai dengan kepala dari sisi sebelah kanan dan dibacakan:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

Maksudnya, “Dengan nama Allah dan di atas agama Rasulullah”.

- e. Meletakkan jenazah dalam liang lahad dalam keadaan mengiring di atas rusuk kanan dan wajib memastikan posisi muka dan dada jenazah menghadap ke arah kiblat;

- f. Dianjurkan membuka semua tali ikatan yang mengikat kain kafan;
- g. Membuka kain kafan yang menutup muka jenazah dan rapatkan pipi jenazah supaya menyentuh tanah;
- h. Sendalkan jenazah dengan ketulan tanah supaya tidak berpaling dari arah kiblat;
- i. Sunat diletakkan 3 kepalan tanah sebagai bantal di kepala jenazah dan dianjurkan membaca ayat berikut:

i. Kepalan pertama:

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ

Maksudnya, “*Daripadanya Kami telah menciptakan kamu*”.

ii. Kepalan kedua:

وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ

Maksudnya, “*Dan kepadanya Kami kembalikan kamu*”.

iii. Kepalan ketiga:

وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى

Maksudnya, “*Dan daripadanya Kami akan keluaran kamu sekali lagi*”.

(Surah Taha: 55)

- j. Tutup liang lahad dengan papan atau yang seumpamanya supaya jenazah tidak ditimpa tanah ketika ditimbus; dan
- k. Timbus lubang kubur secara perlahan-lahan.


8.3. Selepas Pengebumian

- a. Sunat meninggikan tanah kubur dengan kadar satu jengkal dari permukaan tanah dan diratakan sebagai tanda kepada pengunjung;
- b. Dianjurkan menyiram air di atas kubur selepas proses pengebumian supaya tanah menjadi lebih mantap;
- c. Dianjur meletakkan batu-batu kecil di atas kubur;
- d. Dianjur meletakkan batu nisan sebagai tanda;
- e. Sunat meletakkan pelepah atau ranting tumbuh-tumbuhan yang masih hijau dengan harapan ia akan memohon keampunan bagi jenazah;
- f. Sunat dibacakan talkin di sisi kubur bagi jenazah yang *mukallaf* selepas dikebumikan sebagai ingatan kepada sekalian yang hadir dan memohon keampunan serta rahmat Allah untuk jenazah; dan
- g. Sunat menunggu sehingga jenazah selesai dikebumikan.

9. SPESIFIKASI KUBUR

9.1. Penentuan Arah Kiblat


- a. Pengukuran arah kiblat di kawasan tanah perkuburan Islam hendaklah tepat dan boleh dilaksanakan dengan kaedah berikut:
 - i. Berpandukan kedudukan garis lintang (*latitude*) dan garis bujur (*longitude*) tempatan yang mempunyai daftar rujukan yang disahkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan;
 - ii. Menggunakan bantuan peralatan moden seperti teodolit dan kompas prismatik yang diperakui; dan
 - iii. Berdasarkan kedudukan bayang matahari semasa peristiwa *istiwa' a'zam*.
- b. Semua kawasan tanah perkuburan Islam disyor untuk menyediakan tanda arah kiblat sebagai panduan kepada petugas semasa melaksanakan kerja-kerja menggali kubur. Contoh binaan arah kiblat adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1: Ukuran Tanda Arah Kiblat

9.2. Pelan Susun Atur (*Layout Plan*)

- a. Susun atur tanah perkuburan Islam perlu mengikut Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Sembilan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan (JPBD) yang mengandungi lot kubur berdasarkan keluasan keseluruhan tapak perkuburan Islam seperti Gambar 2.
- b. Anggaran keluasan bagi 1 ekar tanah perkuburan Islam mempunyai 500-600 lot kubur.




Gambar 2: Contoh Pelan Susun Atur Tanah Perkuburan Islam

9.3. Ukuran Lot Kubur


- a. Spesifikasi ukuran lot kubur hendaklah menepati hukum syarak dan peraturan yang ditetapkan agar dapat memelihara kemaslahatan umum serta mewujudkan keselarasan penyediaan lot kubur, iaitu:
 - i. Had minimum kedalaman liang kubur adalah yang dapat mengelakkan keluar bau dan mencegah binatang buas daripada membongkarnya supaya kehormatan jenazah dapat dipelihara;
 - ii. Ukuran kedalaman liang kubur yang sempurna ialah sekadar tinggi berdiri lelaki dewasa dan ditambah lagi sehasta (lebih kurang 6-7 kaki),

manakala panjangnya ialah mengikut ukuran panjang jenazah dan lebarnya ialah setengah ukuran panjangnya. Sunat diperluaskan lubang kubur untuk pengebumian jenazah; dan

- iii. Dianjurkan membuat liang lahad atau teraju dalam kubur. Liang lahad yang digali di sisi dasar lubang kubur (arah kiblat) adalah lebih afdal daripada liang yang digali di dasar bahagian tengah kubur seperti parit sekiranya tanah di kawasan kubur itu dari jenis yang keras. Namun, jika tanah jenis lembut seperti tanah bercampur pasir, maka liang di tengah (teraju) lebih utama kerana ditakuti runtuh. Contoh jenis liang adalah seperti Rajah 2 dan 3.



Rajah 2: Jenis Liang Lahad



Rajah 3: Jenis Liang Teraju

- b. Keluasan ukuran lot kubur orang Islam dewasa dan kanak-kanak, keluasan liang kubur, kedalaman liang dan ruang pejalan kaki serta ruang untuk anggota badan/ uri adalah seperti disyorkan dalam Jadual 2.

Kategori Jenazah	Keluasan Lot Kubur	Keluasan Liang Kubur	Kedalaman Liang	Saiz Kalang Air	Ruang Pejalan Kaki
Lelaki dan Wanita Dewasa	1.0m x 1.8m (3 kaki x 6 kaki)	1.0m x 1.8m (3 kaki x 6 kaki)	1.0m-2.13m (3-7 kaki)	0.8m x 1.8m (2.5 kaki x 6 kaki)	0.61m (2 kaki)
Kanak-Kanak (0-3 tahun)	0.61m x 1.22m (2 kaki x 4 kaki)	0.61m x 1.22m (2 kaki x 4 kaki)		0.61m x 1.22m (2 kaki x 4 kaki)	
Anggota Badan/ Uri	Menyediakan satu kawasan khas bagi tanaman anggota sahaja termasuk uri.				

Jadual 2: Ukuran lot kubur orang Islam di Negeri Sembilan

9.4. Kalang Air/ Kepungan dan Batu Nisan

- a. Harus membuat kalang air atau kepungan di atas kubur dalam kawasan tanah yang diwakafkan bertujuan untuk menjaga dan memelihara kubur daripada hakisan dan pencerobohan binatang liar. Bagi memastikan pembinaan kalang air atau kepungan, peletakan batu nisan dan tulisan pada sesebuah kubur orang Islam tidak menyalahi hukum syarak dan peraturan yang ditetapkan serta mewujudkan keseragaman, maka syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
 - i. Pengusaha atau pembekal perkhidmatan berkenaan hendaklah syarikat yang diberi kelulusan oleh JHEAINS;
 - ii. Saiz keluasan dan bahan binaan kalang air atau kepungan dan batu nisan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) seperti Gambar 3;
 - iii. Pelaksanaan kerja hendaklah dikawal selia oleh Pegawai Agama Islam, JHEAINS Daerah atau wakilnya;
 - iv. Bahan binaan dan batu nisan yang dibenarkan ialah dari jubin (*tile*) atau marmar (*marble*);
 - v. Warna kalang air atau kepungan dan batu nisan yang dibenarkan adalah putih;
 - vi. Binaan kalang air atau kepungan hendaklah jenis pasang siap (boleh dibuka semula atau

dibongkar apabila perlu) dan bukan binaan kekal;

vii. Binaan kalang air atau kepungan dan batu nisan tidak ditulis atau diukir dengan perkataan yang mengandungi kalimah suci al-Quran;

viii. Tulisan yang dibenarkan pada batu nisan ialah:

- a. Nama arwah;
- b. Tarikh Lahir;
- c. Tarikh Kematian;
- d. No. Lot kubur.

ix. Sebarang binaan di atas kubur yang bercanggah dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini adalah satu kesalahan kerana melanggar perintah JHEAINS dan binaan tersebut akan dirobohkan.

x. Jika mana-mana individu yang enggan atau mengingkari arahan ini boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 59, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.



Gambar 3: Contoh Binaan Kalang Air Dan Kepungan Batu Nisan

9.5. Pokok Hiasan

Pengindahan dan pembinaan lanskap di kawasan tanah perkuburan Islam perlu mematuhi garis panduan yang berikut:

- a. Pokok-pokok yang ditanam di atas kubur hendaklah yang bersesuaian, iaitu jenis pokok renek yang berbau harum dengan ketinggian tidak melebihi 1.5 meter serta kurang penyelenggaraan;
- b. Tidak dibenarkan menanam pokok besar di atas lot kubur dalam kawasan tanah perkuburan kerana boleh mendatangkan kesulitan untuk mengebumikan jenazah dalam jangka masa panjang;
- c. Hukum menanam pokok buah-buahan di tempat yang bersesuaian dalam kawasan tanah perkuburan Islam yang diwakafkan atau dirizabkan adalah harus. Hasil yang diperolehi daripadanya adalah halal asalkan ia digunakan bagi masalah umum.



Gambar 4: Contoh Pokok Hiasan di Tanah Kubur

10. TANGGUNGJAWAB PENTADBIR (JAWATANKUASA QARYAH MASJID)

Pihak yang bertanggungjawab mentadbir, mengurus serta mengelola kawasan tanah perkuburan Islam hendaklah memastikan:

- a. Semua tanah yang diwakafkan atau tanah musabbalah untuk kubur orang Islam hendaklah dipindah milik atas nama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan selaku pemegang amanah tunggal;
- b. Tanah perkuburan Islam tidak boleh digunakan bagi sebarang tujuan selain daripada mengebumikan jenazah. Walau bagaimanapun, jika ada pihak yang berhasrat menggunakan tanah itu untuk tujuan lain seperti pertanian hendaklah mendapatkan kebenaran daripada JHEAINS selaku pengawal tanah rizab;
- c. Pembinaan pagar di seluruh kawasan tanah perkuburan dan kerja-kerja pembersihan secara berkala hendaklah dilaksanakan bagi menjaga kesucian dan kehormatan kawasan tanah perkuburan Islam dan mengelakkan daripada pencerobohan;
- d. Penentuan lot kubur dan laluan yang diperlukan untuk membawa jenazah serta ruang pejalan kaki dalam kawasan tanah perkuburan Islam hendaklah dikenal pasti berdasarkan garis panduan ini;
- e. Papan tanda tanah perkuburan dan peringatan mengenai adab serta peraturan di kawasan tanah perkuburan yang mudah dibaca dan difahami perlu

diletakkan di lokasi bersesuaian di kawasan tanah perkuburan (seperti Gambar 5 dan Gambar 6).

- f. Menyimpan rekod pentadbiran berkaitan bilangan lot kubur yang telah digunakan, bilangan lot kubur kosong serta daftar pengebumian;
- g. Membuat penentuan lot (longitude – latitude) bagi kawasan tanah perkuburan Islam;
- h. Membuat pengasingan lot bagi jenazah lelaki, wanita, kanak-kanak dan anggota badan atau uri serta meletakkan pelan tanda nombor lot kubur yang didaftarkan untuk setiap jenazah.
- i. Menyediakan kawasan ruang menunggu atau wakaf serta stor bagi menyimpan peralatan pengebumian;
- j. Menyediakan kemudahan pengebumian seperti khemah, peralatan yang bersesuaian, lampu limpah dan set generator bagi tujuan pengebumian di waktu malam.



Gambar 5: Contoh Papan Tanda Maqbarah Salimah

11. ADAB MENZIARAHI TANAH PERKUBURAN ISLAM

Menziarahi tanah perkuburan adalah harus. Bagi menjaga kesucian tanah perkuburan Islam, ada adab dan peraturan yang perlu dijaga seperti yang berikut:

- a. Dianjurkan berwuduk ketika menziarahi tanah perkuburan;
- b. Berpakaian sopan dan menutup aurat;
- c. Memberi salam apabila masuk ke kawasan perkuburan untuk seluruh ahli kubur seperti;

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ نَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ
الْعَافِيَةَ

Maksudnya, “Salam sejahtera untukmu, wahai penghuni mukminin dan muslimin di perkampungan ini. Sesungguhnya dengan izin Allah, kami akan menyusulimu. Kami memohon kepada Allah untuk kami dan kamu agar diberikan keafiatan”.

- d. Digalakkan membaca ayat al-Quran dan menghadaiahkan pahalanya kepada si mati;
- e. Berdoa untuk si mati semoga Allah s.w.t. mengampuni dosanya;

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمِهِمْ وَعَافِهِمْ وَأَعْفُ عَنْهُمْ. اللَّهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْمَغْفِرَةَ عَلَى أَهْلِ الْقُبُورِ مِنْ أَهْلِ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya, *“Ya Allah, berikanlah keampunan, kasih sayang, aflat dan kemaafan untuk mereka. Ya Allah, turunkan rahmat dan keampunan dalam kalangan orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah, La ilaha illallah, Muhammad Rasulullah”*.

- f. Dilarang bermain-main, membuang najis dan sampah sarap dalam kawasan perkuburan;
- g. Dilarang melangkah, memijak dan duduk di atas kubur;
- h. Tidak berbual-bual pada perkara yang tidak mendatangkan faedah;
- i. Dilarang membuat binaan seperti bangku, pagar keliling lot kubur atau seumpamanya; dan
- j. Haram melakukan perkara khurafat dan syirik.



Gambar 6: Contoh Arahan Pentadbiran/ Adab Menziarahi Tanah Perkuburan

12. SENARAI ALAMAT JHEAINS DAERAH

Alamat	Telefon/ Faksimili/ E-mel
JHEAINS Daerah Seremban 70990 Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-7672895 Faksimili: 06-7671987 E-mel: paidseremban.jheains@ns.gov.my

Alamat	Telefon/ Faksimili/ E-mel
JHEAINS Daerah Kuala Pilah 72000 Kuala Pilah Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-4821021 Faksimili: 06- E-mel: paidkualapilah.jheains@ns.gov.my
JHEAINS Daerah Tampin 73000 Tampin Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-4421301 Faksimili: 06-4431909 E-mel: paidtampin.jheains@ns.gov.my
JHEAINS Daerah Jempol 72120 Bandar Seri Jempol Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-4584059 Faksimili: 06-4584072 E-mel: paidjempol.jheains@ns.gov.my
JHEAINS Daerah Rembau 71300 Rembau Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-6851272 Faksimili: 06-6854121 E-mel: paidrembau.jheains@ns.gov.my
JHEAINS Daerah Port Dickson 71000 Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-6461403 Faksimili: 06-6461400 E-mel: paidportdickson.jheains@ns.gov.my
JHEAINS Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang Negeri Sembilan Darul Khusus	Telefon: 06-6135101 Faksimili: 06-6135102 E-mel: paidjelebu.jheains@ns.gov.my

13. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Negeri Sembilan (Maqbarah Salimah) berkuatkuasa pada **1 Januari 2023**.

14. PENUTUP

Jenazah orang Islam wajib diuruskan mengikut kaedah yang disyariatkan oleh Islam termasuk dalam urusan pengebumian dan kuburnya. Semua pihak yang berkaitan dan seluruh masyarakat Islam di negeri ini hendaklah merujuk kepada garis panduan ini bagi mewujudkan kawasan tanah perkuburan Islam yang teratur, seragam, sistematik dan mematuhi kehendak hukum syarak serta peraturan yang ditetapkan.

Diterbitkan oleh

**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Jalan Yamtuan, 70000 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus**